

MESYUARAT KE-8 AIR STAFF TALK ANTARA TUDM DAN IAF

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/3041-mesyuarat-ke-8-air-staff-talk-antara-tudm-dan-iaf

KUALA LUMPUR, 14 Feb 18 – Mesyuarat ke-8 Air Staff Talks (AST) antara TUDM dan *Indian Air Force* (IAF) yang diadakan di Wisma Perwira ATM hari ini telah dipengerusikan secara bersama oleh Panglima Wilayah Udara 1, YBhg Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM dan Ketua Delegasi IAF, Air Vice Marshall Sreekumar Prabhakaran dan dihadiri wakil dari kedua-dua angkatan udara.

Mesyuarat AST merupakan platform rasmi bagi TUDM dan IAF untuk merancang aktiviti dua hala yang memberi kebaikan bersama serta mempertingkatkan *security* dan *confidence building* kepada kedua-dua pihak. Beberapa program juga turut dirancang kepada delegasi IAF yang hadir sepanjang berada di Malaysia sehingga 16 Feb 18.

